

# 9 penuntut UMS catat nama dalam Malaysia Book of Record

DE 4.1.2014 2

SEPANGGAR: Sembilan penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatat nama dalam Malaysia Book Of Record 2014 apabila menyertai 'Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia' di pintu masuk utama 1Borneo Hypermall dekat sini, pada Jumaat lalu.

Mahasiswa dan mahasiswi UMS melakukan larian selama 260 jam tanpa henti yang menyamai lebih 2,299.42 kilometer.

Menyukir Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid yang merasmikan majlis penutupan acara itu, berbangga dengan pencapaian tersebut yang mengharumkan nama universiti berkenaan dan Sabah.

"Melalui sukan, dapat melibatkan pelajar-pelajar dengan aktiviti berfaedah dan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat," kata Jainab semasa merasmikan acara anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dengan kerjasama Sekolah Perubatan UMS itu.

Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Penyuki Matta, Dekan Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Prof. Dr. Ismail Ibrahim, Dekan Sekolah Perubatan, Prof. Dr. D Kamarudin D. Mudin dan pensyarah-pensyarah UMS.

Beliau berkata dengan penganjuran sedemikian mampu mencungkil bakat-

bakat pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang ko-kurikulum.

"Kita mahu melahirkan generasi yang serba boleh dalam semua aspek dan mampu diangkat di peringkat global sama ada dalam bidang akademik mahupun kesukhanan," kata Jainab yang juga Adun Karambunai, sambil menyatakan harapannya agar aktiviti sukan ini boleh menarik minat pelancong-pelancong asing untuk datang ke Sabah.

"Keindahan alam semula dengan kekayaan flora dan fauna akan menjadi daya tarikan kepada pelancong, jadi apa salahnya melalui aktiviti penganjuran sukan dapat menarik minat pelancong untuk datang berkunjung ke Sabah," kata Jainab.



JAINAB bergambar bersama sembilan penuntut UMS yang memecah rekod Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia.